

06 SEP 2003

Tilawah-Kebangsaan

JUARA BERTAHAN ANTARA 28 PESERTA TILAWAH AL-QURAN

JOHOR BAHRU, 6 Sept (Bernama) -- Juara bertahan qari dan qariah kebangsaan, Abdul Ghani Hashim dan Umi Kalthum Mohamed Zin, adalah antara 28 peserta menyertai tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-46 di sini mulai Selasa ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Johor, Hamzah Ramli hari ini berkata Kelantan dan Terengganu seperti biasa tidak menghantar qariah masing-masing tahun ini.

Tilawah lima hari itu akan diadakan di Stadium Tertutup Bandaraya Johor Baharu.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan tilawah itu pada Selasa ini manakala Sultan Johor akan menyempurnakan majlis penutupan dan penyampaian hadiah pada 13 Sept.

Bagi mengelakkan kesesakan lalulintas dan masalah tempat meletakkan kenderaan di stadium itu, Hamzah berkata kerajaan negeri akan menyediakan perkhidmatan bas percuma untuk penonton menyaksikan tilawah itu.

Hamzah berkata bas percuma akan berlepas pada pukul 8 malam dari perkarangan Masjid Pasir Gudang, Masjid Kampung Melayu Majidee, Terminal Pengangkutan Awam Larkin dan Masjid Bandar Baru Uda.

Katanya bas itu akan mengambil semula penonton di stadium tertutup itu pada kira-kira pukul 11 malam setiap hari.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga turut menyediakan perkhidmatan bas percuma bagi membawa umat Islam dari setiap daerah ke tempat tilawah Al-Quran itu.

"Jika didapati permintaan terhadap perkhidmatan bas itu meningkat, kerajaan negeri sedia menambahkan jumlahnya pada hari-hari berikutnya," katanya.

-- BERNAMA

BH DC RON